

Baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan produk ini. Sila pastikan juga untuk membaca Terma-terma dan Syarat-syarat. Dapatkan penerangan daripada pegawai kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen atau terma-terma ini.

DEPOSIT BERTEMPOH-i (TAWARRUQ) DAN DEPOSIT BERTEMPOH-i (TAWARRUQ) KHAS

Tarikh: _____

1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?

Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) dan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas adalah produk deposit bertempoh dengan kadar keuntungan tetap. Keuntungan diperolehi daripada transaksi jual beli komoditi berdasarkan kepada kadar keuntungan tetap yang ditentukan terlebih dahulu.

2. Apakah konsep Syariah yang terlibat?

Konsep syariah yang terlibat ialah Tawarruq di mana komoditi digunakan sebagai aset pendasar bagi transaksi jual beli di antara pedagang komoditi, Pelanggan dan pihak Bank.

Definisi Tawarruq

Tawarruq mengandungi dua kontrak jual dan beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara bayaran tangguh. Kemudiannya, pembeli tadi akan menjual semula aset yang dibeli kepada pihak ketiga secara tunai dan sertamerta.

Peranan dan Tanggungjawab Pihak yang terlibat dalam Produk Deposit Berdasarkan Tawarruq

Sebagai Ejen Pembelian kepada pelanggan, Bank bagi pihak pelanggan bertanggungjawab untuk membeli komoditi daripada pengeluar komoditi pada harga kos. Sebagai Ejen Jualan kepada Pelanggan, Bank bagi pihak pelanggan akan menjual komoditi tersebut kepada Bank secara Murabahah pada harga kos beserta keuntungan. Pihak Bank bertanggungjawab untuk membayar jumlah hutang daripada transaksi Murabahah mengikut syarat yang dipersetujui.

3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Penempatan Deposit Minimum	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 bagi tempoh satu (1) bulan dan RM500 bagi tempoh dua (2) bulan dan ke atas. • Boleh dirunding bagi Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas dan pelanggan Perbendaharaan. 									
Tempoh	<ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) bulan hingga enam puluh (60) bulan • Boleh dirunding bagi Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas dan pelanggan Perbendaharaan. 									
Kadar Keuntungan	Kadar tetap ditentukan terlebih dahulu semasa penempatan deposit.									
Formula Keuntungan dan Ilustrasi	<p>Formula Keuntungan = Deposit x Kadar x Tempoh (bilangan hari)</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Deposit</td> <td>=</td> <td>RM10,000</td> </tr> <tr> <td>Kadar</td> <td>=</td> <td>1.70% p.a.</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>=</td> <td>61 days</td> </tr> </table> <p>Keuntungan = $RM10,000 \times 1.70\% \times 61/365$ = RM28.41</p>	Deposit	=	RM10,000	Kadar	=	1.70% p.a.	Tempoh	=	61 days
Deposit	=	RM10,000								
Kadar	=	1.70% p.a.								
Tempoh	=	61 days								
Kekerapan Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> • Pada tarikh matang (bagi tempoh hingga 1 tahun) • Pembayaran keuntungan setiap setengah tahun (bagi tempoh melebihi 1 tahun) 									
Jaminan Modal	Ya									
Yuran Broker	Ditanggung oleh pihak Bank									

4. Apakah terma dan syarat utama bagi produk ini yang perlu saya tahu?	
Pengeluaran Sebahagian	Pengeluaran sebahagian adalah tidak dibenarkan
Pengeluaran sebelum tempoh Matang	Pengeluaran sebelum tarikh matang adalah dibenarkan tetapi tiada keuntungan akan dibayar.
Pembaharuan Akaun Secara Automatik	<ul style="list-style-type: none"> Pembaharuan akaun secara automatik bagi Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) umum adalah dibenarkan. Pembaharuan secara automatik tidak terpakai bagi produk Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas. Pelanggan perlu memaklumkan kepada pihak Bank untuk memperbaharui akaun pada tarikh matang. Jika tiada arahan diterima daripada pelanggan pada tarikh matang, wang akan kekal berada dalam akaun dan tiada keuntungan akan dibayar.
5. Apakah yuran dan caj yang terlibat?	
Penggantian sijil yang hilang – Duti Stem sebanyak RM10.00 untuk Surat Pelepasan Tanggungan tanpa mengira amaun deposit.	
6. Apakah risiko-risiko utama berkaitan dengan produk ini?	
Tiada risiko yang berkaitan dengan produk ini jika pengeluaran sebelum tarikh matang tidak dibuat. Bagi pengeluaran sebelum tarikh matang, tiada keuntungan yang akan dibayar kepada pelanggan	
7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?	
Adalah penting untuk anda memberitahu kami berkenaan apa-apa perubahan terhadap butiran perhubungan anda bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya. Bagi mengemas kini butiran perhubungan anda, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis atau lawati cawangan Bank Islam berhampiran.	
8. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?	
<p>Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:</p> <p>Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam No 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03 2690 0900 Faks: 03 2782 1337 E-mel: customercare@bankislam.com.my</p>	<p>Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di:</p> <p>(a) Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (b) Melalui faks : 03 2174 1515 (c) Melalui e-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my (d) Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur</p>
9. Adakah terdapat produk deposit bertempoh atau tetap lain yang tersedia?	
Tiada	
NOTA PENTING: DEPOSIT ANDA DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURAN DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SETAKAT RM250,000 BAGI SETIAP PENDEPOSIT	

Nota:

- Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 15 Januari 2022.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....
 Nama:
 No. Kad Pengenalan:
 Tarikh: